



11 Julai 2014  
11 July 2014  
P.U. (A) 204

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 2) 2014

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(FEDERAL ROADS) (NO. 2) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 2) 2014**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 324/2014 yang disiarkan pada 1 Julai 2014, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam seksyen 70 Akta, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 2) 2014**.  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2014.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas sebahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) Jalan yang baginya larangan terpakai	(2) Jalan arah yang dinyatakan	(3) Tempoh larangan
Sebahagian Jalan Kubang Kerian-Bachok (Laluan 211) bermula dari seksyen 12.8 hingga seksyen 13.0 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kenderaan dari Kubang Kerian ke Bachok hendaklah menggunakan lengcongan sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</li><li>2. Kenderaan dari Bachok ke Kubang Kerian hendaklah menggunakan lengcongan sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</li></ol>	15 Julai 2014 hingga 30 November 2014